

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

SEBUT HARGA PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026

1. Tawaran Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor dan di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) atau Gred G1, Kategori CE01 dan CE21 yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan bumiputera **NEGERI SELANGOR** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini akan diterima **PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG, 41902 KLANG** (Bahagian Pembangunan) hingga pukul 12.00 tengahari pada 13 Ogos 2026 bagi kerja seperti berikut:

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENURAP SEMULA JALAN SUSUR BAGI LALUAN BASIKAL / MOTORSIKAL DI KAMPUNG BATU BELAH, KLANG

2. Naskah tawaran boleh dirujuk terlebih dahulu di laman sesawang <https://tender.selangor.gov.my> sebelum membuat pembelian.
3. Borang / Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga RM30.00 dengan menggunakan *online banking / credit card* melalui sistem e-tender / sebut harga melalui laman sesawang <https://tender.selangor.gov.my>.
4. Sampul Borang Sebut harga mestilah dijudulkan seperti yang ditetapkan dan borang sebut harga tawaran tersebut hendaklah dimasukkan dalam Peti Tawaran di PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG, ARAS 1 (BAHAGIAN PEMBANGUNAN) 41902 KLANG, sebelum masa tawaran ditutup. Borang sebut harga yang lewat dikembalikan **TIDAK** akan dipertimbangkan untuk menyertai sebut harga ini. **SEMUA DOKUMEN SOKONGAN PERLU DILAMPIRKAN SELEPAS MUKASURAT TERAKHIR.**
5. Kontraktor-kontraktor yang telah berjaya mendapat kerja sebut harga pada tahun 2026, dipohon supaya tidak menyertai tawaran sebut harga bagi memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor yang masih belum mendapat sebarang kerja projek pada tahun 2026.
6. Kerajaan tidak semestinya menerima sebut harga yang paling rendah atau pun terikat kepada sebarang sebut harga.

Tarikh: 4 Ogos 2026

.....t.t.....

(ABD RAZAK BIN MAKSUD A.I.S)
Ketua Penolong Pegawai Daerah
(Pembangunan)
b.p. Pegawai Daerah Klang.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG,
JALAN KOTA,
41902 KLANG.

Telefon: 03-33829200

BIL. SEBUT HARGA :	
T/Tangan :	T/Tangan :
Tarikh :	Tarikh :

SENARAI SEMAK (BEKALAN/PERKHIDMATAN / KERJA)

Sila tandakan ☒ bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bi I	Perkara / Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
1.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dari CIDB (tempoh sah laku perlu sah 3 bulan dari tarikh tutup sebut harga)	☐	☐
2.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) (tempoh sah laku perlu sah 3 bulan dari tarikh tutup sebut harga)	☐	☐
3.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) Dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (tempoh sah laku perlu sah 3 bulan dari tarikh tutup sebut harga)	☐	☐
4.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang masih berkuat kuasa	☐	☐
5.	Borang Butiran Kerja telah diisi dengan lengkap (termasuk NILAI TAWARAN dan TEMPOH SIAP) dan ditandatangani (termasuk saksi) – Sama Jumlah dengan senarai kuantiti.	☐	☐
6.	Membaca/meneliti dokumen, arahan kepada penyebut harga, syarat-syarat sebutharga, lukisan, senarai kuantiti dan dokumen berkaitan (Pematuhan Spesifikasi Adendum)	☐	☐
7.	Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk NILAI TAWARAN dan TEMPOH SIAP) dan ditandatangani (termasuk saksi) – Sama Jumlah dengan senarai kuantiti.	☐	☐
8.	Borang Maklumat Penyebut Harga Dan Senarai Kakitangan Teknikal	☐	☐
9.	Borang Senarai Kerja Dalam Tangan / Kerja Semasa - <i>Lampirkan Surat Setuju Terima (SST)/Inden Kerja</i>	☐	☐
10.	Resit Pembelian Dokumen Sebutharga (wajib disertakan)	☐	☐
11.	Surat Akuan Pembida ditandatangani	☐	☐
12.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir (wajib disertakan) – APRIL, MEI Dan JUN 2026. Penyata Kewangan wajib mendapat pengesahan daripada pihak Bank.	☐	☐
13.	Profail Syarikat (Wajib sertakan)	☐	☐
<u>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</u> Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan: Tarikh:		<u>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</u> Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada) Tandatangan: Nama: Jawatan : Tarikh : Tandatangan: Nama: Jawatan : Tarikh :	

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026
PEMBORONG BUMIPUTRA SAHAJA	

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026

Tarikh :

Sebut harga adalah diterima di Pejabat Daerah dan Tanah Klang (Bahagian Pembangunan) sehingga pukul 12.00 tengahari 13 Ogos 2026 bagi kerja-kerja berikut:

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENURAP SEMULA JALAN SUSUR BAGI LALUAN BASIKAL / MOTORSIKAL DI KAMPUNG BATU BELAH, KLANG

Nama Kontraktor :

Alamat :

No. Telefon :

Tuan,

Pejabat ini menjemput tuan mengemukakan sebutharga untuk kerja di atas. Sila kemukakan Borang Sebut harga yang telah diisi di dalam sampul surat yang telah dimeterai dan masukkan ke dalam peti sebut harga pejabat yang mengeluarkan borang tersebut.

2. Sila tulis dibahagian atas sampul surat berukuran 9" X 12" **Nama, Nombor Sebut harga, masa dan tarikh tutup** seperti yang disebut di atas dan alamat pejabat yang mengeluarkan sebutharga. Dokumen Sebut harga tidak boleh dilipat.

Sekian.

"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....t.t.....

(ABD RAZAK BIN MAKSUD A.I.S)

Ketua Penolong Pegawai Daerah

(Pembangunan)

b.p. Pegawai Daerah Klang.

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026
ARAHAN KEPADA PENENDER / PENYEBUTHARGA	

Tajuk Sebut harga: **KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENURAP SEMULA JALAN SUSUR BAGI LALUAN BASIKAL / MOTORSIKAL DI KAMPUNG BATU BELAH, KLANG**

1. **HAK KERAJAAN MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut harga yang terendah atau mana-mana Sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga adalah muktamad.

2. **CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

2.1 **Penyediaan Sebut harga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut harga,
- (c) Senarai Kerja 5 tahun (wajib dilampirkan sesalinan surat tawaran berkenaan)
- (d) Tandatangan Perakuan kepada Syarat-syarat Am yang dikenakan.
- (e) Tandatangan kepada Bidang Kerja Utama
- (f) Tandatangan kepada Spesifikasi (jika ada).
- (g) Profail Syarikat (wajib dilampirkan)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembedulan.

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026
ARAHAN KEPADA PENENDER / PENYEBUTHARGA	

2.2 **Penyerahan Dokumen Sebut harga**

- (a) Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut harga serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga.
- (b) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, tidak akan dipertimbangkan.
- (c) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebut harga pada tarikh tutup Sebut harga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tata-tertib.

2.3 **Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026
ARAHAN KEPADA PENENDER / PENYEBUTHARGA	

3. **PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Petender sendiri.

4. **TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut harga. Petender tidak boleh menarik balik sebut harga sebelum tamat tempoh sah Sebut harga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya kontraktor menarik sebut harga sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

5. **BON PELAKSANAAN**

Penyebutharga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dengan kadar peratus yang ditetapkan seperti yang dijelaskan di dalam Pematuhan Syarat-Syarat Am Sebut harga di muka surat SA/7 berkaitan Bon Pelaksanaan Para 15 (a) (b) dan (c). Sekiranya pihak kontraktor kurang dari RM200,000.00 dan ke bawah maka Bon Pelaksanaan adalah tidak diperlukan.

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026
BUTIRAN KERJA	

BUTIRAN SEBUT HARGA

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENURAP SEMULA JALAN SUSUR BAGI LALUAN BASIKAL /
MOTORSIKAL DI KAMPUNG BATU BELAH, KLANG

Bil.	Butir- Butir Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
1.0	KEHENDAK PERMULAAN, SYARAT AM DAN KEPERLUAN DI				
1.1	Caj-caj perkhidmatan bagi penyediaan dan pembekalan Insuran Pampasan Pekerja (workmen Compensation) dan Tanggungan Awam (Public Liability / Contractor's All Risk)	H / Pukal	-		
1.2	Caj-caj perkhidmatan dan pembekalan Bon Pelaksanaan dalam bentuk bank Guarantee/ Jaminan Insurans (5% daripada harga tawaran)	H / Pukal	-		
1.3	Laporan bergambar dalam bentuk 'hardcopy' serta sesalinan 'softcopy' menunjukkan kemajuan kerja sebelum, semasa dan selepas kerja siap dilaksanakan. (Nota : Bagi laporan bergambar bentuk hardcopy, sekurang-kurangnya saiz 4R bergambar, minimum 15 muka surat dan maksimum sebanyak 20 muka surat).	Bil	2 Set	100.00	200.00
1.4	Bekal dan pasang papan tanda projek berukuran 1.2m x 1.0m seperti pelan / lukisan dilampiran.	Bil	1.0	700.00	700.00
1.5	Kos sewaan jentera dan tenaga buruh termasuk kos mobilasasi dan demobilisasi untuk semua loji, peralatan dan tenaga kerja sepanjang tempoh kerja dijalankan :-				
i.	Jentera 'Tandem Roller'	H/Pukal	-		
ii.	Jentera 'Pneumatic Tyre Roller'	H/Pukal	-		
iii.	Jentera 'Back Hoe'	H/Pukal	-		
iv.	Jentera 'Backpusher'	H/Pukal	-		
v.	Lori 5 Tan	H/Pukal	-		
vi.	Motorised Colpave Sprayer	H/Pukal	-		
vii.	Demobilisasi dan Pengangkutan jentera	H/Pukal	-		
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN TAWARAN					
BQ 1/4 ⁷					

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026
BUTIRAN KERJA	

BUTIRAN SEBUT HARGA

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENURAP SEMULA JALAN SUSUR BAGI LALUAN BASIKAL /
MOTORSIKAL DI KAMPUNG BATU BELAH, KLANG

Bil.	Butir- Butir Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
	1.5 Keperluan-keperluan pengawasan dan penyeliaan projek melibatkan aspek keselamatan tapak bina seperti kon keselamatan dan pengawal lalu lintas serta kerja yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Nota : Penggunaan jentera adalah dihadkan mengikut apa yang telah ditetapkan di atas. Sebarang perubahan yang berkaitan adalah tidak diterima dan bayaran mengikut kadar hari yang ditetapkan sahaja.	H/Pukal	-		
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN TAWARAN					
BQ 2/4					

SEBUT HARGA BAHAGIAN:

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

NO. SEBUT HARGA:

PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026

BUTIRAN SEBUT HARGA

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENURAP SEMULA JALAN SUSUR BAGI LALUAN BASIKAL / MOTORSIKAL DI KAMPUNG BATU BELAH, KLANG

Bil.	Butir- Butir Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
	3.4 Kerja -kerja menyerak tack-coat Membekal dan menyerak 'Bituminous Emulsion Tack Coat' termasuk peralatan berkaitan dan disemur pada permukaan sediaada mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	m ²	1,820.00		
	3.5 Menurap 'Asphaltic Concrete wearing Course - 14mm' Membekal, menghampar, merata dan memadatkan satu lapisan premix 'Asphaltic Concrete Wearing Course -14mm ' setebal 50mm (compacted thickness mengikut piawaian spesifikasi yang ditetapkan.	m ²	1,820.00		
4.0	PENGUJIAN DI TAPAK DAN MAKMAL				
	4.1 Menyediakan mesin dan tenaga buruh untuk membuat kerja pengujian di tapak seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa				
	i. Ujian Coring (ketebalan Premix) & Ujian Mampatan (Density Test)				
	a. Jalan Susur	Bil.	4.0		
	ii. Ujian "Marshall Test" (Premix ACWC)	H/Pukul			
	NOTA : Keputusan Ujian dan sampel asal hendaklah diserahkan kepada Pegawai Penguasa untuk tujuan simpanan / rekod.				
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN TAWARAN					

BQ 4/4

SEBUT HARGA BAHAGIAN:

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

NO. SEBUT HARGA:

PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026

RINGKASAN TAWARAN

**KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENURAP SEMULA JALAN SUSUR BAGI LALUAN BASIKAL /
MOTORSIKAL DI KAMPUNG BATU BELAH, KLANG**

BIL	BUTIRAN KERJA	M/SURAT	JUMLAH
1	KEHENDAK PERMULAAN, SYARAT AM DAN KEPERLUAN DI TAPAK	BQ 1/4 & BQ 2/4	
2	KERJA MENENTUKAN SEMULA SEMPADAN TANAH (DEMARICATION)	BQ 3/4	
3	KERJA-KERJA MEMPERBAIKI JALAN	BQ 3/4 & BQ 4/4	
4	PENGUJIAN DI TAPAK DAN MAKMAL	BQ 4/4	
JUMLAH DI BAWA KE BORANG SEBUTHARGA			

Anggaran tempoh kerja : 6 minggu

Ringgit Malaysia:

Tempoh siap kerja:6..... (minggu)

.....
(Tandatangan Kontraktor)

Nama Penuh :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:

No. K.P. :

No. K.P. :

Tarikh :

Meteri dan Cop kontraktor

SEBUTHARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUTHARGA:	PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026
BORANG SEBUT HARGA KERJA	

Pegawai Daerah Klang
Jalan Kota,
41902 Klang

Tuan,

**KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENURAP SEMULA JALAN SUSUR BAGI LALUAN BASIKAL /
MOTORSIKAL DI KAMPUNG BATU BELAH, KLANG**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Petender, Syarat-Syarat Am Sebut harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal RMRinggit Malaysia.....

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa6..... Minggu, dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada haribulan

T/Tangan:
(Kontraktor)

T/Tangan:
(Saksi)

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

Atas Sifat

Meteri atau Cop Kontraktor.

SEBUTHARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUTHARGA:	PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026
BORANG MAKLUMAT PENYEBUTHARGA	

**KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENURAP SEMULA JALAN SUSUR BAGI LALUAN BASIKAL /
MOTORSIKAL DI KAMPUNG BATU BELAH, KLANG**

BORANG MAKLUMAT PENYEBUTHARGA

1. Nama Syarikat : _____
2. Alamat Syarikat : _____

3. No. Telefon : _____ No. Fax : _____
4. Ahli – Ahli Pengurusan

Bil	Nama Penuh	Jawatan	Kelulusan Akademik

SENARAI PENGALAMAN KERJA

Senarai pengalaman kerja yang TELAH disiapkan dalam tempoh **5** tahun.

(SALINAN SURAT TAWARAN PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA SEBAGAI PEMBUKTIAN)

Nama Projek	Jabatan/Agensi Perunding yang Mengawasi	Harga	Tempoh	Tarikh Siap Sebenar

Senarai Kerja Yang SEDANG dilaksanakan
(SALINAN SURAT TAWARAN PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA SEBAGAI PEMBUKTIAN)

Nama Projek	Jabatan/Agensi Perunding yang Mengawasi	Harga	Tempoh	Tarikh Siap Sebenar

Senaraikan Nama-Nama Pekerja Binaan

Bil	Nama Pekerja	No. Kad Pengenalan	Umur

Senaraikan Bilangan Aset Jentera Yang Dimiliki Sendiri

Bil	Nama Jentera	Jumlah (Unit)

LAMPIRAN A

SURAT AKUAN PEMBIDA PDTK/PF/NEGERI/SOSIAL/NO.39/2026

(.....)

Saya,.....nombor K.P.....yang mewakili (.....) nombor Pendaftaran Syarikat (.....) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebut harga / cabutan undian / lantikan terus seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG** tender / sebut harga / cabutan undian / lantikan terus atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga / cabutan undian / lantikan terus seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / sebut harga / lantikan terus / undi di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender / sebut harga / lantikan terus / undi di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan-peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712) atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara
 - ii) Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

LAMPIRAN A

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini dengan dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694, apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Tarikh :

Cap Syarikat :

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA

- 1.1 Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut-harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

Kontraktor dikehendaki mengambil Insurans-insurans berikut bagi sepanjang tempoh kerja dijalankan.

- 2.1. Insurans Tanggungan Awam (Public Liability) meliputi kerosakan kepada:

- a) Harta benda awam.
- b) Kemudahan awam seperti kabel TNB, STMB, Paip Air dan lain-lain.

Insurans di atas nama kontraktor dan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan / Kerajaan Malaysia. Jumlah kemalangan hendaklah tiada terhad bagi sepanjang tempoh kontrak.

- 2.2 Insurans Pampasan Pekerja (*Workmen's Compensation*) di atas nama kontraktor dan Kerajaan Selangor Darul Ehsan/Kerajaan Malaysia dengan nilai polisi tidak kurang 30% dari harga kontrak.

- 2.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah Nota-nota Perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasa 9 (d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya. Sebarang penambahan kerja yang tidak tercatat dalam syarat tawaran, Pejabat Daerah/Tanah Klang (PDTK) tidak akan bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran.
- 3.2 Kontraktor juga hendaklah mematuhi jadual projek iaitu tarikh mula dan tarikh siap dan sekiranya kontraktor menghadapi sebarang masalah hendaklah merujuk kepada Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah/Tanah Klang (PDTK).
- 3.3 Kontraktor hendaklah melaporkan kepada Penolong Jurutera Pejabat Daerah/Tanah Klang (PDTK) dan pihak pelanggan sebaik sahaja kerja-kerja dimulakan. Kontraktor hendaklah sentiasa memberikan maklumbalas tentang perkembangan projek dan mudah dihubungi dengan mengemukakan nombor telefon terkini dan alamat pejabat tetap.
- 3.4 Kerja-kerja yang dilaksanakan perlu kemas dan menepati prosedur yang betul. Perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian :-
- 3.4.1 Kekemasan semasa dan sesudah kerja-kerja dilaksanakan
 - 3.4.2 Untuk kerja-kerja mengecat, warna cat hendaklah dipersetujui oleh Pejabat Daerah/Tanah Klang (PDTK) dan cat digunakan hendaklah bersesuaian dengan penjenisan cat sama ada kayu atau simen.
 - 3.4.3 Sisa-sisa bahan pembinaan hendaklah dibersihkan dan tidak boleh ditinggalkan sama sekali.
 - 3.4.4 Semasa kerja-kerja projek sedang dijalankan barang-barang dan alatan kerja perlulah disimpan dengan kemas dan teratur untuk mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan yang tidak diingini.

4. PEMILIKAN TAPAK DAN KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Kontraktor hendaklah memulakan kerja dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Inden dikeluarkan dan hendaklah mengikut arahan & kelulusan Pegawai Inden atau wakilnya. Jika kontraktor gagal memulakan kerja dalam tempoh tujuh (7) hari tanpa sebarang sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap kontraktor mengikut syarat-syarat pendaftaran.

5. **SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. **PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN**

- 6.1 Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. **RINGKASAN SEBUT HARGA**

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurna.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amau yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

7.6 Sekiranya Sebut Harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. **PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

8.1 Dokumen sebut harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen sebut harga pada keseluruhan sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

8.2 Jika kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dihendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. **KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden :-

- 9.1 Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan ;
- 9.2 Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah ;
- 9.3 Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja tanpa apa-apa sebab yang munasabah ;
- 9.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah ;
- 9.5 Apabila kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. **DENDA KELEWATAN KERJA / LIQUIDATED & ASCERTAINED DAMAGES (LAD)**

KATEGORI KELAS CIDB	HAD KOS KERJA	DENDA KELEWATAN SATU (1) HARI
G1	RM20,001-RM50,000	RM50.00
G1/G2	RM50,001-RM200,000	RM100
G2	RM200,001 – RM500,000	RM150.00

Gantirugi yang ditentukan dan ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages/LAD*) akan dikenakan kontraktor / pembekal sekiranya gagal memenuhi sesuatu obligasi sebutharga yang telah ditetapkan sepertimana ditentukan atau dinilai mengikut jadual yang ditetapkan oleh Pihak Pegawai Penguasa.

11. PERMOHONAN LANJUTAN MASA

- 11.1 Apabila dikesan/ dijangka kerja tidak dapat disiapkan dalam tempoh siap kerja/ tempoh siap dilanjutkan, P.P. atau wakil P.P. hendaklah memastikan Kontraktor telah mengemukakan permohonan untuk lanjutan masa secara bertulis dengan menyatakan alasan-alasan kelewatan dan tempoh lanjutan masa yang diperlukan. P.P atau wakil P.P. juga seelok-eloknya mengingatkan Kontraktor supaya permohonan lanjutan masa tersebut dibuat sebelum tamat tempoh kontrak.
- 11.2 Walaubagaimanapun, sekiranya Kontraktor layak diberi lanjutan masa di bawah kontrak tetapi tiada permohonan lanjutan masa dari pihak Kontraktor, P.P. atau wakil P.P. hendaklah mengeluarkan PKLM.
- 11.3 P.P hendaklah memastikan semua polisi-polisi insurans, Bon Pelaksanaan (sekiranya Kontraktor memilih Gerenti Bank/ Institusi Kewangan Berlesen/ Insurans) serta Gerenti Bayaran Pendahuluan (sekiranya '*recoupment*' belum habis dibuat) telah disambung oleh Kontraktor sehingga projek disiapkan. Kegagalan Kontraktor mengemukakan lanjutan tempoh polisi-polisi insurans bukanlah sebab oleh pihak Kerajaan untuk tidak mengeluarkan PKLM. Klausula 33(c) memperuntukkan Kerajaan boleh membaharui insuran dan memotong sejumlah wang yang sama dengan amaun yang dibayar bagi premium dari apa-apa wang yang kena dibayar kepada Kontraktor.

12. KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

Apabila didapati dengan munasabahnyanya jelas bahawa kemajuan kerja telah terlambat, **Penyebutharga hendaklah dengan serta merta memberi notis bertulis menyatakan sebab-sebab kelambatan kepada Pegawai Inden penyiapan kerja itu mungkin dilambatkan atau telah terlambat SEBELUM tarikh siap yang dinyatakan dalam Inden atau melebihi mana-mana tarikh siap** lanjutan yang telah ditetapkan dahulunya di bawah syarat ini :-

- 12.1 Oleh kerana *Force majeure*, atau
- 12.2 Oleh sebab apa-apa keburukan cuaca yang luar biasa, atau
- 12.3 Oleh sebab-sebab arahan-arahan yang diberikan oleh Pegawai Inden, berbangkit dari pertikaian dengan tuan-tuan punya berjiran dengan syarat ianya tidak disebabkan oleh apa-apa perbuatan kecuai atau kemungkinan di pihak Penyebutharga.
- 12.4 Oleh sebab kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana satu atau lebih dari perkara luar jangka, atau
- 12.5 Oleh sebab arahan-arahan Pegawai Inden, atau
- 12.6 Oleh sebab Penyebutharga telah tidak menerima maklumat yang lengkap dalam masa yang wajar daripada Pegawai Inden, atau
- 12.7 Oleh sebab kelambatan memberi milik, atau

12.8 Oleh sebab apa-apa tindakan yang berpunca dari penyatuan pekerja-pekerja setempat, mogok atau tutup-pintu yang melibatkan mana-mana trend yang digunahidmat atas kerja, dengan syarat ianya bukan disebabkan oleh apa-apa perbuatan, kecuaiian atau kemungkinan yang tidak menjadi sebahagian dari Sebut Harga ini, atau

12.9 Oleh sebab Penyebutharga tidak berupaya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dikawal olehnya dan yang tidak dapat diramalkan olehnya dengan munasabahnya pada tarikh penutupan sebut harga bagi sebut harga ini untuk mendapatkan apa-apa barang dan / atau bahan yang diperlukan untuk menjalankan kerja dengan sewajarnya.

Maka Pegawai Inden hendaklah, sebaik sahaja memberi satu tempoh lanjutan masa yang munasabah dan Penyebutharga hendaklah sentiasa berusaha sedaya upaya menyiapkan kerja dengan memuaskan hati P.I. Perakuan yang dikeluarkan oleh P.I. di bawah syarat ini hendaklah disebut '**Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa**'.

Pelanjutan masa bagi kontrak kerja bernilai melebihi **RM200,000.00 hingga RM500,000.00** dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga terlebih dahulu.

13. **KERJA PERUBAHAN**

13.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendak kan sesuatu perubahan kerja dengan cara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

13.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

14. **TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)**

14.1 Tempoh tanggungan kecacatan bagi kerja sebut harga ini adalah selama enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.

14.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos kontraktor sendiri.

- 14.3 Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran kontraktor dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

15. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang Inden Asal dan Borang Pengesahan Kerja Siap kepada Pegawai Inden.

16. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

17. BON PELAKSANAAN ATAU WANG JAMINAN PELAKSANAAN (WJP) (sekiranya nilai projek melebihi RM200,000.00)

- 17.1 Sebelum sesuatu kerja dimulakan, kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5 % daripada harga keseluruhan kerja sebut harga.
atau

- 17.2 Bon Pelaksanaan yang dikemukakan hendaklah dalam bentuk Jaminan Bank dari bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 atau jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat berlesen di bawah Akta Insurans 1963.

- 17.3 Tempoh kuatkuasa Bon Pelaksanaan adalah meliputi tempoh Sebut Harga dan satu (1) tahun selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

atau

- 17.4 Sekiranya pihak kontraktor memilih Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP), pihak kontraktor perlu mengemukakan surat permohonan kepada Pegawai Penguasa. Oleh yang demikian, Pegawai Penguasa berhak membuat pemotongan bayaran terus 5% daripada harga keseluruhan kontrak sewaktu tuntutan atau melalui penyata perakuan muktamad bayaran kerja ke Akaun Amanah. Wang Jaminan Pelaksanaan di Bendahari Negeri.

- 17.5 Tempoh tuntutan semula Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) adalah satu (1) tahun dari tempoh siap kerja diperakukan. Kontraktor perlu mengemukakan surat permohonan untuk diproses oleh Pegawai Penguasa.

18. **PERKHIDMATAN AGENSI-AGensi LAIN.**

Kontraktor dikehendaki menguruskan dan merujuk dengan pihak TNB, TM dan SYABAS tentang pemetongan sementara bekalan semasa pelaksanaan kerja selari dengan perancangan kerja kontraktor. Segala tuntutan atau caj yang dikenakan oleh pihak yang berkenaan hendaklah ditanggung oleh kontraktor.

19. **PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematunhannya dengan syarat-syarat ini.

20. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

20.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

20.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

20.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan rasuah 1997.

21. **PEMBERSIHAN TAPAK**

21.1 Apabila kerja siap, segala sampah sarap dan lebihan tanah hendaklah dibersihkan mengikut arahan Pegawai Inden, Pejabat Daerah dan Tanah Klang atau wakilnya.

21.1 Pembakaran sampah secara terbuka / longgokan sampah di tapak adalah tidak dibenarkan sama sekali.

22. **PENJELASAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan ke Pejabat:-

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG,
JALAN KOTA, 41902 KLANG.
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN)

23. **PENGAKUAN**

Saya /Kami bersetuju dan patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti di atas.

T/Tangan:
(Kontraktor)

T/Tangan:
(Saksi)

Nama :

Nama :

No. K.P :

No. K.P :

Tarikh :

Tarikh :